



## JABATAN PERIKANAN MALAYSIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture and Food Security  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62628 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

03-8870 4426  
ukk@dof.gov.my  
<http://www.dof.gov.my>

### MAKLUM BALAS BERHUBUNG PENULARAN SEMULA VIDEO LAMA : IKAN PATIN SELAMAT DIMAKAN

**16 NOVEMBER 2023, PUTRAJAYA** – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memberikan maklum balas berhubung sebuah video kandang ternakan khinzir bersebelahan kolam ternakan ikan patin yang telah mengundang kegusaran masyarakat tentang kesahihan video berkenaan. DOF ingin menegaskan video tersebut yang tular di aplikasi media sosial merupakan video lama yang sengaja ditularkan kembali oleh pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab.

DOF ingin memaklumkan bahawa ikan akuakultur oleh penternak yang berdaftar di bawah DOF adalah halal dan berkualiti. Bahagian Biosekuriti, DOF sentiasa mengadakan lawatan dan menjalankan ujian porcine (pemantauan DNA khinzir) bagi memastikan hasil ikan juga sumber makanan ternakan di bawah penternak berdaftar dengan DOF adalah terjamin bersih, halal serta menepati piawaian keselamatan makanan negara.

Jabatan juga menggalakan penternak untuk menyertai Skim Pensijilan MyGAP agar produk yang dihasilkan berkualiti, selamat dimakan serta aktiviti akuakultur yang dijalankan tidak mendatangkan kerosakan kepada ekosistem semula jadi negara. Penternak yang berdaftar di bawah DOF juga tertakluk kepada Peraturan Perikanan, Kaedah-Kaedah Perikanan setiap negeri yang menyatakan semua premis akuakultur akan di lesenkan serta aktiviti ternakan mereka akan dikawal rapi supaya mematuhi piawaian dan garis panduan Amalan Akuakultur Baik.

Pegawai dari Pejabat Perikanan Negeri (PPN) dan Daerah (PPD) juga sentiasa mengadakan lawatan ke tapak projek ternakan secara berkala bagi memantau dan memberikan khidmat nasihat teknikal berterusan mengenai kaedah penternakan Amalan Akuakultur Baik kepada penternak.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



STANDARDS  
MALAYSIA  
CERTIFIED



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI  
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

**myDOF**  
Peneraju Perikanan

Berdasarkan Perangkaan Tahunan Perikanan 2022 jumlah pengeluaran ikan patin di Pahang mencatatkan nilai tertinggi 10,359.88 tan metrik, diikuti negeri Perak dengan jumlah 4,853.70 tan metrik dan Kelantan menjadi negeri ketiga iaitu dengan nilai sebanyak 2,309.15 tan metrik. Pengelasan pengeluaran ikan patin adalah berdasarkan tujuh (7) jenis sistem ternakan dengan nilai berikut :

BIL.	JENIS SISTEM TERNAKAN	JUMLAH PENGETAHUAN (t)
i.	Kolam air tawar	5,929.19 t
ii.	Bekas lombong	3,172.09 t
iii.	Sangkar air tawar	11,057.16 t
iv.	Tangki simen/fiber	73.36 t
v.	Tangki kanvas	0.10 t
vi.	Kandang ikan	617.91 t
v.	Estet	12.10 t
<b>JUMLAH</b>		<b>20,861.92 TAN METRIK</b>

Penularan video-video lama serta berita tidak sah seperti ini adalah tidak wajar berlaku. Pengguna media sosial adalah dinasihatkan supaya tidak berkongsi sewenang-wenangnya apa jua video yang tidak disahkan kandungan kebenarannya di mana ia boleh membawa kepada penyebaran maklumat yang salah, mendatangkan kegusaran serta mengelirukan orang ramai seterusnya boleh mencemarkan reputasi sesebuah organisasi.

Sebarang perkongsian kandungan bersifat palsu, jelik dan mengancam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali. DOF juga mengalu-alukan sebarang maklumat dan mengambil perhatian serius terhadap sebarang aduan yang melibatkan kesalahan di bawah peraturan perikanan yang berkuat kuasa serta akan membuat siasatan terperinci.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

### UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my); [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI

PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

